

# 10<sup>th</sup> MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE 2023

## Looking Beyond GDP: Toward Social Well-being and Environmental Sustainability

26<sup>th</sup> September 2023  
Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia

### SUB-THEME: STATISTICAL INNOVATION IN MEASURING SOCIAL WELL-BEING AND SUSTAINABLE GROWTH

#### KAJIAN RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI SINGAPURA 2022

Ratana Sarimin, Muji Hasim, Siti Noraida Mohd Uder@Suhaimi  
Institut Maklumat Dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Jabatan Perangkaan Malaysia

#### Abstrak:

Isu rakyat Malaysia bekerja di Singapura bukan merupakan isu baru, dan isu ini juga tidak lapuk kerana ia bukan sahaja menunjukkan isu *brain drain* Malaysia tetapi turut menunjukkan pengurusan data rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Ketiadaan data rasmi rakyat Malaysia yang berada di negara lain merupakan kunci utama kepada kajian untuk memprofilkan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.. Berdasarkan laporan UN DESA 2020, seramai 1.8 juta rakyat Malaysia berada di luar negara untuk pelbagai tujuan dan dilaporkan seramai 1.13 juta berada di Singapura. Pandemik COVID-19 telah menunjukkan keperluan kritikal untuk Malaysia mempunyai data bagi rakyatnya yang berada di luar negara bagi tujuan membantu rakyatnya di luar negara. Kajian ini telah menunjukkan bahawa rakyat Malaysia bekerja di semua sektor ekonomi di Singapura dan juga merupakan negara sumber bagi Singapura bagi pekerja Mahir, Separa Mahir dan Berkemahiran Rendah. Kajian ini juga telah menggariskan tiga *missing link* yang perlu disinergikan di dalam pengurusan data rakyat Malaysia yang berada di luar negara dan memberikan cadangan selaras dengan keperluan Rancangan Malaysia Ke-12, iaitu pewujudan pangkalan data diaspora yang komprehensif.

#### Kata Kunci:

bekerja di Singapura, brain drain, diaspora

#### 1. Pengenalan


Kajian Rakyat Malaysia Bekerja di Singapura telah mula dilaksanakan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) pada tahun 2016 dan 2018. Semasa pandemik COVID-19 berlangsung dan ketika penutupan pintu sempadan Malaysia Singapura pada Mac 2020 sehingga April 2022, terdapat banyak persoalan berkaitan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura terutama berkaitan kebajikan mereka. Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan profil rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan memberikan rekomendasi kepada kerajaan bagi menangani isu berkaitan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

#### 2. Metodologi:

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran seperti yang dicadangkan oleh Cresswell (2014), terutama melalui pelaksanaan penyelidikan kaedah campuran serentak. Kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih sempurna tentang rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Penerapan pendekatan ini membolehkan penyelidik mendedahkan faktor

yang mendorong responden bekerja di Singapura serta isu yang dihadapi oleh mereka. Pengendalian penyelidikan kaedah campuran secara serentak (*parallel*) di dalam projek ini telah direka bentuk dengan teliti seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Terdapat enam (6) langkah yang perlu dilaksanakan secara sistematik. Pendekatan kaedah campuran serentak ini digunakan untuk integrasi dan triangulasi bagi kedua-dua dapatan kuantitatif dan kualitatif dengan cekap kerana keterbatasan masa untuk menyiapkan kajian ini'

Rajah 1



Ketiadaan rekod rasmi populasi Malaysia yang berada di Singapura menyebabkan kajian ini menggunakan persampelan bukan kebarangkalian (non-probability sampling method). Kaedah persampelan yang digunakan oleh kajian ini adalah persampelan bertujuan (purposive sampling). Kaedah ini membantu penyelidik untuk menapis responden yang tidak relevan dan tidak sesuai dalam konteks kajian. Walaupun tanpa rekod rasmi, terdapat beberapa laporan yang memberikan anggaran populasi Malaysia di Singapura. Berdasarkan laporan UN DESA 2020, jumlah rakyat Malaysia yang berada di Singapura adalah 1.1 juta orang.


Borang soalselidik secara dalam talian yang digunakan merupakan adaptasi borang soalselidik Kajian Rakyat Malaysia Bekerja Di Singapura yang dijalankan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) pada tahun 2018. Tempoh kutipan data adalah mulai 10 Januari sehingga 31 Mei 2022. Seramai 5,663 responden terlibat dalam menjawab soalan bagi soal selidik secara dalam talian.

Kaedah sesi temuduga mendalam (IDI) dan perbincangan kumpulan berfokus (FGD) turut dilaksanakan melibatkan 21 informan individu dan 13 kumpulan informan meliputi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura (pelbagai pas pekerjaan dan status kewarganegaraan), tiga (3) agensi pekerjaan swasta serta 10 agensi pelaksana di Malaysia dan Singapura. Kajian ini mendapat bantuan daripada Suruhanjaya Tinggi Malaysia Singapura dan Pejabat Atase Buruh Malaysia Singapura.

### 3. DAPATAN KAJIAN:


Majoriti responden adalah lelaki (62.0%) dan wanita hanya 38.0 peratus. Berdasarkan maklumbalas, didapati majoriti responden adalah dari kaum Cina (46.2%), diikuti oleh Melayu (40.2%), kaum India (11.3%) dan kaum-kaum lain merangkumi 8.6 peratus responden. Bagi demografi negeri asal responden, didapati majoriti responden yang berasal dari Johor (38.3%), diikuti Kedah (12.3%), Perak (9.0%), Melaka (7.3%) dan Kelantan (6.9%). Terdapat juga responden yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

### Paparan 1: Responden Mengikut Kategori Status Berada Di Singapura




Analisis menunjukkan 55.00 peratus responden adalah daripada kategori rakyat Malaysia yang bekerja, manakala rakyat Malaysia yang berada di Singapura atas pelbagai tujuan lain adalah 45.00 peratus sahaja.

### Paparan 2: Responden Mengikut Julat Umur



Julat umur yang digunakan bagi kajian ini dikategorikan kepada tiga (3) kumpulan utama iaitu di Bawah 24 tahun (20.0%), kumpulan umur 25 tahun hingga 40 tahun (48.0%) dan kumpulan umur lebih daripada 40 tahun (32.0%).

### Paparan 3: Responden Mengikut Tahap Pendidikan



36.0 peratus responden memiliki kelulusan tertinggi pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf, diikuti oleh pemegang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau yang setaraf. Manakala pemegang Diploma adalah 15.6 peratus dan diikuti oleh pemegang Ijazah Sarjana Muda sebanyak 12.2 peratus.

### Paparan 4: Jenis Sektor, Kategori Pekerjaan Responden Dan Faktor Penarik

#### Sektor Pekerjaan

Perkhidmatan	56.0%
Pembuatan	44.0%

Majoriti (56.0%) responden bekerja di Sektor Perkhidmatan berbanding dengan Sektor Pembuatan (44.0%).

#### Kategori Pekerjaan

Separa Mahir	39.6%
Mahir	35.2%
Berkemahiran Rendah	25.2%

Secara keseluruhannya, 39.0 peratus daripada responden merupakan pekerja mahir berbanding 35.0 peratus pekerja separa mahir dan 26.0 peratus pekerja berkemahiran rendah.

#### 5 Faktor Penarik Utama Bekerja di Singapura

Peluang pekerjaan yang baik
Gaji yang lebih lumayan
Kadar pertukaran matawang SGD tinggi
Pekerjaan yang stabil
Taraf hidup yang lebih tinggi

Faktor utama yang dikenalpasti menjadi penarik bagi rakyat Malaysia bekerja di Singapura adalah peluang pekerjaan yang baik (25.0%), gaji yang lebih lumayan (20.2%), kadar pertukaran mata wang Singapura yang tinggi (11.2%), pekerjaan yang stabil (7.6%) dan taraf hidup yang lebih baik (6.2%).

## Paparan 5: Pendapatan Kasar Bulanan


Pendapatan Kasar Bulanan	
Bawah SGD1,000	1.2%
SGD1,000 - SGD1,499	12.1%
SGD1,500 - SGD2,199	34.4%
SGD2,200 - SGD3,599	32.3%
SGD3,600 - SGD4,999	11.9%
SGD5,000 - SGD6,999	4.8%
SGD7,000 - SGD9,999	1.8%
SGD10,000 dan ke atas	1.4%

Sebahagian besar responden (34.4%) memperoleh pendapatan sebanyak SGD1,500 hingga SGD2,199 dan 32.3 peratus responden pula memperoleh pendapatan sebanyak SGD2,200 hingga SGD3,599. Sebilangan kecil responden (1.4%) mendapat pendapatan bulanan SGD10,000 dan ke atas.

### Analisis Terperinci: Kategori Pekerjaan, Julat Umur dan Pendapatan Bulanan


Bagi mendapatkan senario yang lebih lengkap, analisis silang 4 peringkat telah dilaksanakan. Dapatan awal kajian ini menjurus kepada dua kumpulan mengikut tahap pendidikan iaitu responden yang bekerja di Singapura dengan kelulusan SPM dan Sarjana Muda.

### Paparan 6: Analisis Terperinci Responden Julat Umur, Pendapatan dan Tahap Pendidikan



Paparan 6 menunjukkan 77.0 peratus responden yang berkelulusan Sarjana Muda bekerja sebagai pekerja Mahir di Singapura berbanding 13.0 peratus bekerja sebagai pekerja Separa Mahir. Terdapat juga pemegang Sarjana Muda yang sanggup bekerja sebagai pekerja berkemahiran rendah.

### Paparan 7: Analisis Terperinci Responden Berdasarkan Julat Umur, Pendapatan dan Tahap Pendidikan



Bagi responden yang memiliki kelulusan SPM, didapati 20.0 peratus responden bekerja sebagai pekerja Mahir. Dapat dilihat bahawa 40.0 peratus bekerja sebagai pekerja Mahir

berumur 40 tahun ke atas. Ini membuktikan bahawa terdapat jaminan peluang untuk mengembangkan kerjaya mereka di Singapura walaupun dengan pendidikan asas SPM sahaja.

### Analisis Kualitatif

Dapatan utama daripada sesi IDI dan FGD ialah tiga (3) *missing link* di dalam pengurusan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara iaitu yang pertama berkaitan undang-undang yang melindungi rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara terutama berkaitan perlindungan keselamatan sosial. Undang-undang sedia ada tidak memberi perlindungan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. *Missing link* kedua yang ditemui adalah ketiadaan agensi pelaksana yang menguruskan atau memantau rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Manakala *missing link* ketiga adalah pengurusan data diaspora sedia ada tidak komprehensif dan hanya berdasarkan keperluan agensi sedia ada. Sekiranya ketiga-tiga *missing link* ini dapat disinergikan, pengurusan diaspora Malaysia akan lebih cekap dan profil rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara akan sentiasa dikemaskini.

### 4. RUMUSAN:

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan profil rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Walaupun terdapat beberapa kajian seumpama ini, telah dilaksanakan untuk mengenalpasti rakyat Malaysia yang bekerja atau berada di Singapura, isu utama berkaitan data rakyat Malaysia yang berada di Singapura masih belum diselesaikan. Justeru itu, kajian ini masih mencadangkan untuk diwujudkan satu pangkalan data bagi diaspora Malaysia yang berada di luar negara dengan memberi fokus kepada rakyat Malaysia yang bekerja. Ini selaras dengan kenyataan Dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 untuk mewujudkan pangkalan data diaspora komprehensif bagi menjadikan diaspora sebagai sumber tenaga kerja yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia. Meneliti situasi ini, kajian ini telah mencadangkan agar pangkalan data diaspora sedia ada ditambahbaik dan diintegrasikan ke satu pangkalan data diaspora yang bersifat interaktif dan disokong oleh analisis data raya.

### Rujukan

*Analysing Malaysia's Brain Drain Pandemic* | *BusinessToday*. (n.d.). Retrieved November 15, 2022, from <https://www.businesstoday.com.my/2021/10/11/analysing-malysias-braindrain-pandemic/>

Brain Drain and reversing the trend | Astro Awani. (n.d.). Retrieved November 15, 2022, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/brain-drain-and-reversingtrend-321357>

Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

EUDiF. (n.d.). International Migrant Stock | Population Division. Retrieved November 15, 2022, from <https://www.un.org/development/desa/pd/content/international-migrantstock>

Ewers, M. C., Khattab, N., Babar, Z., & Madeeha, M. (2022). Skilled migration to emerging economies: the global competition for talent beyond the West. *Globalizations*, 19(2), 268–284. <https://doi.org/10.1080/14747731.2021.1882816>

Fok Kuk Fai, B. (2020). *Spatial Distribution Of Highly Skilled Diaspora Of ASEAN-5: Determinants And Engagement Strategies*.

ILMIA (2018). A Study On Malaysians Working In Singapore (2018).

ILMIA & PERKESO (2022) Kajian Perlindungan Keselamatan Sosial Rakyat Malaysia Bekerja Di Luar Negara: Singapura

International Organization for Migration. (2022). *World Migration Report 2022*.

*Malaysia Human flight and brain drain - data, chart | TheGlobalEconomy.com*. (n.d.). Retrieved November 15, 2022,

Ministry of Manpower Singapore. (2021). *Population in Brief 2021*.

*Structural reforms needed to prevent brain drain in Malaysia | Malay Mail*. (n.d.). Retrieved November 15, 2022, from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/01/11/structural-reforms-needed-to-prevent-brain-drain-%20in-%20malaysia/1939252>

UN Migration. (2022). *World Migration Report 2022*. United Nations.

Unit Perancang Ekonomi. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025*. <https://www.epu.gov.my>

Yap Mui Teng. (2010). *Chapter 10: Singapore's System for Managing Foreign Manpower*. <http://www.mom.gov.sg/Home/MRSD/Documents/GLM/qtlmr094.pdf>

**NOTE: THE REQUIRED NUMBER OF PAGES FOR PAPER IS SIX PAGES**